

SYARAT-SYARAT DAN TERMA BIASISWA KARANGKRAF

Pihak KARANGKRAF akan membayar semua amaun yuran pengajian pelajar termasuk yuran pendaftaran, yuran pengajian dan yuran semester seperti yang terkandung dalam struktur yuran institusi. Bagi elauan sara hidup, buku dan penginapan tidak ditanggung oleh pihak KARANGKRAF. Oleh itu, pelajar perlu mematuhi syarat-syarat tawaran seperti berikut :

1. Pelajar harus menjaga imej dan nama baik KARANGKRAF dan tidak melakukan sebarang salah-laku serta mematuhi undang-undang institusi pembelajaran.
2. Pelajar tidak boleh menukar kursus pengajian tanpa kebenaran terlebih dahulu oleh KARANGKRAF.
3. Pelajar perlu mencapai kejayaan yang memuaskan dalam pengajian, iaitu minimum CGPA 3.2 .
4. PELAJAR akan melaporkan dengan segera kepada Sekretariat Dana Pendidikan KARANGKRAF segala keputusan peperiksaan penggal, semester atau tahunan institusi pengajian yang ditetapkan sebelum kemasukan semester baru.
5. Jika salah seorang atau kedua-dua PENJAMIN meninggal dunia atau tidak bermastautin dalam Malaysia atau berada di luar Malaysia selama lebih daripada dua belas (12) bulan berturut-turut atau dihukum seorang bankrap atau memperolehi sesuatu perintah pentadbiran pemakan gaji , maka PELAJAR harus mendapatkan pengganti penjamin dengan dipersetujui terlebih dahulu oleh KARANGKRAF.
6. Jika PELAJAR gagal untuk mendapatkan pengganti penjamin dalam tempoh yang ditetapkan oleh KARANGKRAF maka KARANGKRAF boleh menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa dan dengan itu PELAJAR tidak akan mempunyai apa-apa tuntutan ke atas apa-apa faedah di bawah perjanjian ini.
7. Pelajar tidak boleh menerima apa-apa pekerjaan baik yang berpendapatan atau tidak tanpa kelulusan terlebih dahulu dari KARANGKRAF.
8. Pelajar tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan KARANGKRAF tidak selaras dengan kepentingan pelajar atau KARANGKRAF.
9. Pelajar tidak boleh memegang apa-apa jawatan di dalam apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan tanpa kelulusan terlebih dahulu dari KARANGKRAF.
10. Pelajar tidak boleh menjadi ahli atau mengambil bahagian dalam kegiatan apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan yang bercorak politik tanpa kelulusan terlebih dahulu dari KARANGKRAF.
11. Pelajar tidak boleh mengambil bahagian atau menyediakan atau mengedarkan dengan apa-apa cara dalam sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan yang memudaratkan kepentingan Malaysia atau institusi pendidikan yang ditetapkan.
12. Jika PELAJAR melakukan pelanggaran terhadap syarat-syarat di atas, KARANGKRAF boleh menurut budi-bicara mutlaknya, menamatkan perjanjian ini dan dengan itu, tanpa menyentuh hak-hak KARANGKRAF di bawah perjanjian ini, PELAJAR tidak lagi mempunyai apa-apa tuntutan ke atas apa-apa faedah perjanjian ini.

AKUAN PENERIMAAN

Dengan ini saya No K/P
telah menerima Surat Tawaran BIASISWA KARANGKRAF(BK) bernombor rujukan ST/BK/..... bertarikh dan juga telah membaca dan memahami segala syarat dan terma BIASISWA KARANGKRAF. Oleh itu, saya memutuskan untuk menerima / menolak tawaran ini.

Tandatangan Pelajar

Tarikh :

*Sila kembalikan Akuan Penerimaan ini ke alamat dibawah

SEKRETARIAT DANA PENDIDIKAN KARANGKRAF
Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.
Lot 2, Jalan Sepana 15/3,
Off Persiaran Selangor, Seksyen 15,
40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-5101 3648 Faks: 03-51013601